

# Ju Ariana dinobatkan Tokoh Siswa 2014

**SEBERANG PERAI** - Kesibukan dalam menuntut ilmu tidak menghalang seorang mahasiswa dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu untuk bergiat aktif dalam dunia kesukarelawan sehingga dinobatkan sebagai Tokoh Pemimpin Siswa 2014 di Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia (USM), Nibong Tebal di sini kelmarin.

Selain merangkul anugerah yang disampaikan oleh Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh pada majlis Anugerah Tokoh Siswa, Ju Ariana Ibrahim, 24, turut dipilih sebagai Tokoh Sukarelawan Siswa 2014.

Penuntut tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi Pertanian itu berkata, pembelajarannya tidak terjejas meskipun aktif dalam aktiviti sukarela memandangkan minat mendalam yang ditanam sejak usia enam tahun lagi.

"Biarpun aktif, saya tetap berjaya mengekalkan prestasi akademik di kelas pertama pada setiap semester dan mahu buktikan bahawa penglibatan dalam bidang itu tidak menjejaskan pembelajaran," katanya yang bakal menamatkan pengajian pada Jun ini.

Anak kepada bekas pensyarah di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Ibrahim

Ghaffar itu membawa pulang hadiah berupa trofi, wang tunai berjumlah RM3,000 dan sebuah motosikal Modenas.

Ju Ariana yang terpilih menyertai Misi Yayasan Sukarelawan Siswa di bawah Kementerian Pengajian Tinggi ke Laos pada Ogos tahun lalu turut berjaya menubuhkan sebuah yayasan sama di peringkat UniSZA sekembalinya beliau dari misi tersebut.

Sementara itu, seorang mahasiswa USM, Mohamad Shafiq Kamaruddin, 24, yang dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Pemimpin Siswa 2014 membawa pulang wang tunai berjumlah RM2,000 dan trofi.



ANUGERAH TOKOH SISWA 2014

IDRIS JUSOH (kiri) menyampaikan piala serta hadiah iringan kepada Ju Ariana pada majlis Anugerah Tokoh Siswa 2014 di Kampus Kejuruteraan USM, Nibong Tebal kelmarin.